

BAB KE ENAM

UNDANG-UNDANG MENCEGAH PELACURAN

Undang-undang

Berleluasa dan berkembang biaknya pelacuran, mendorong kerajaan Kelantan memperkenalkan undang-undang untuk mencegah kegiatan ini. Sepanjang tempoh 1900-1941 undang-undang yang dikeluarkan sebahagiannya terdiri daripada notis, pemberitahu dan cadangan. Notis-notis yang dikeluarkan terdiri daripada notis nombor 5 tahun 1916, notis nombor 26 tahun 1916, notis nombor 3 tahun 1919 dan notis nombor 7 tahun 1919. Pada tahun 1922 pula sebuah pemberitahu telah dikeluarkan. Sebuah cadangan pula telah dikeluarkan pada tahun 1931.

Notis nombor 5 tahun 1916

Notis nombor 5 tahun 1916 dikeluarkan untuk menjaga sekalian perempuan jahat.¹ Notis ini merupakan arahan MAIK kepada orang ramai supaya bertindak sekiranya mereka mengetahui bahawa terdapat perempuan jahat yang ingin melakukan kejahatan atau telah melakukan kejahatan. Mereka hendaklah membuat laporan kepada pihak MAIK sekiranya berlaku keadaan berikut:

Sekalian perempuan yang menyewa rumah atau menumpang duduk atau menumpang berhenti atau masuk mana-mana rumah atau rumah sewa atau rumah kampung dan yang duduk di rumah tanahnya sendiri jika difikirkan oleh ramai bahawa perempuan tersebut bercadang untuk melaku kejahan yang ditegah oleh syara'.²

¹ Istilah perempuan jahat digunakan bagi merujuk kepada pelacur kerana istilah ini dipakai di dalam undang-undang mencegah pelacuran

² Lihat PMK, 3/16, "Berkenaan dengan perempuan jahat," him. 2.

Arahan ini dikeluarkan kepada orang ramai samada yang tinggal berhampiran atau yang mengetahui kegiatan perempuan jahat. Surat yang dihantar itu hendaklah lengkap dengan nama dan alamat serta menunjukkan bahawa perempuan berkenaan telah atau bercadang untuk melakukan “kejahatan”. Pihak MAIK seterusnya akan menyiasat dan setelah surat tersebut ditandatangani oleh ketua MAIK, pihak polis akan mengarahkan perempuan tersebut keluar dari tempat itu. Namun bagi mereka yang tinggal di rumah dan tanahnya sendiri, pihak MAIK akan membawa kepada pengetahuan mesyuarat kerajaan untuk memutuskan sebarang tindakan.³

Notis di atas dengan jelas memberi panduan kepada orang ramai supaya bertindak membanteras pelacuran. Keadaan ini menunjukkan bahawa pihak MAIK memerlukan kerjasama orang ramai untuk turut sama membanteras kegiatan pelacuran.

Notis nombor 26 tahun 1916

Kerajaan Kelantan telah memperkenalkan undang-undang khas berkenaan dengan lelaki dan perempuan jahat. Notis nombor 26 tahun 1916,⁴ membincangkan mengenai perkara ini. Di dalam notis tersebut ada beberapa perkara yang dibincangkan. Antaranya ialah berkenaan dengan kuasa Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Menurut notis ini,

Berkuasa majlis menangkap dengan tiada berwaran iaitu dengan kuasanya sendiri atau dengan pertolongan mata-mata akan laki-laki dan perempuan yang berkhawat yang ditegah oleh Syariat Muhammadiyah. Berkuaasa majlis memanggil

³ Sila lihat notis no. 5 tahun 1916 di lampiran (6.1).

⁴ MAIK, 135/16, “Berkenaan dengan perempuan tua yang menjadikan barua titahnya minta diberhentikan mereka yang semacam itu daripada menjalankan pekerjaannya,” hlm. 4.

dan menegahkan laki-laki dan perempuan yang melakukan perangai, kelakuan, perbuatan, perkataan, kedudukan, perjalanan dan pekerjaan yang menjadi kekejian dan yang menghilangkan maruah. Berkuasa majlis menghalaukan perempuan yang masyhur kejahatannya dan lagi barua daripada menduduki di dalam mana-mana bandar negeri dan jajahan Kelantan. Maka laki-laki atau perempuan yang termasuk di bawah kuasa notis ini melanggar perintah majlis di dalam segenap perkara yang dikuasakan kepada majlis boleh ditangkap akan dia dan bolehlah dihukumkan oleh mahkamah dengan denda tidak lebih daripada \$100 atau dengan hukuman jil tidak lebih daripada enam bulan atau pun dengan kedua dua hukuman itu sekali.⁵

Petikan di atas menunjukkan bahawa MAIK berkuasa menangkap dengan tidak berwaran ke atas lelaki dan perempuan yang berkhawat. MAIK juga berkuasa memanggil dan menegahkan lelaki dan perempuan daripada melakukan perkara yang tidak bermoral. Selain itu MAIK juga berkuasa menghalau perempuan yang masyhur kejahatannya dan barua daripada menduduki mana-mana bandar dan jajahan dalam negeri Kelantan.⁶ Sesiapa yang termasuk di bawah notis ini jika didapati melanggar perintah MAIK maka mereka akan ditangkap dan dihukum denda tidak lebih daripada \$100 atau dengan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan ataupun dengan kedua-dua hukuman itu sekali.

Notis di atas dibuat ialah berkenaan lelaki dan perempuan jahat. Namun jika dilihat dari segi kuasa MAIK (menangkap, menegah dan menghalau) kedapatan sedikit kepincangan. Dalam perkara satu dan dua lelaki dan perempuan terlibat, namun

⁵ Notis no. 26 tahun 1916. Sila lihat lampiran (6.2).

⁶ Istilah barua digunakan bagi merujuk kepada ibu atau bapa ayam kerana istilah ini dipakai di dalam undang-undang mencegah pelacuran.

dalam perkara ketiga tidak disentuh berkenaan dengan lelaki. Hukuman halau hanya dikenakan ke atas “perempuan jahat” sahaja sedangkan pelanggan tidak dikenakan hukuman. Berdasarkan hal ini, kuasa MAIK kelihatan lemah iaitu tidak menyeluruh. Sepatutnya kalau hukuman halau dikenakan ke atas “perempuan jahat” maka hukuman yang sama harus dikenakan ke atas pelanggan. Sebaliknya keadaan ini tidak berlaku atau dengan kata lain tiada peruntukan undang-undang untuk menjatuhkan hukuman ke atas pelanggan.

Notis nombor 3 tahun 1919

Pada tahun 1919 kerajaan Kelantan telah mengeluarkan pula notis lain bersabit keruntuhan moral di Kelantan. Notis nombor 3 tahun 1919,⁷ membincangkan berkenaan tambahan hukuman ke atas perempuan jahat dan segala orang yang jadi barua.

Menurut notis ini,

Mana-mana perempuan jahat atau mana-mana seorang yang jadi barua apakala disah oleh Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu keadaannya telah masyhur melakukan pekerjaan yang ditegah itu maka hendaklah Mahkamah Syariah atau Mahkamah-mahkamah Kadi menjatuh hukuman halau akan dia kepada tempat yang jauh satu batu daripada tiap-tiap bandar dan tempat-tempat yang tersebut di dalam senarai di bawah ini serta ditegahkan dia daripada memasukinya iaitu dalam tempoh tidak lebih daripada lima tahun. Maka mana-mana seorang yang telah dijatuhkan hukuman itu melanggar akan dia apakala teranglah kesalahannya itu hendaklah didenda ke atasnya di dalam sakat \$100 atau enam bulan jil pada kali yang pertama dan didalam sakat \$300 pada kali yang kedua dan jika tiada dapat ia menyempurnakan didenda sebanyak yang tersebut itu bolehlah dijil akan dia di dalam sakat selama lapan belas bulan...⁸

⁷ MAIK, 262/22, “Minta hukuman hendak dijalankan di atas seorang yang bernama Saleh bin Midin Kampung Kelubi yang telah melakukan pekerjaan barua perempuan jahat di dalam bandar Pasir Putih,” hlm. 10. Lihat juga PMK, 423/22.

⁸ Notis no. 3 tahun 1919. Sila lihat notis ini di lampiran (6.3).

Menurut notis di atas sekiranya terdapat perempuan jahat atau barua yang disahkan oleh MAIK mengenai kejahatannya, maka Mahkamah Syariah atau Mahkamah-mahkamah Kadi bolehlah menjatuhkan hukuman dengan menghalau ke tempat yang jauhnya satu batu daripada tiap-tiap bandar.⁹ Mereka juga hendaklah ditegah daripada memasukinya di dalam tempoh tidak lebih daripada lima tahun. Sekiranya melanggar arahan tersebut maka denda sebanyak \$100 atau enam bulan penjara bagi kesalahan pada kali pertama dan sebanyak \$300 dikenakan bagi kesalahan kali kedua. Sekiranya gagal untuk menjelaskannya hukuman penjara selama lapan belas bulan akan dikenakan.

Notis ini telah menambahkan hukuman ke atas perempuan jahat. Ini bermakna hukuman yang dikenakan ke atas perempuan jahat lebih berat berbanding hukuman yang dijatuhkan ke atas perempuan jahat di bawah notis nombor 26 tahun 1916. Di dalam notis nombor 26 tahun 1916 hukuman halau telah disebut, namun tidak ditentukan tentang jarak dan masanya. Tetapi dalam notis ini persoalan jarak dan tempoh masa diambil kira. Begitu juga tentang hukuman denda yang dikenakan, di dalam notis ini hukuman denda yang dikenakan adalah lebih berat iaitu bagi kesalahan kali pertama didenda \$100 atau enam bulan penjara (Ini adalah sama dengan hukuman yang dikenakan di dalam notis nombor 26 tahun 1916). Walau bagaimanapun terdapat

⁹ Terdapat sebanyak dua puluh dua bandar yang ditegah daripada memasukinya. Antara bandar-bandar tersebut ialah bandar Kota Bharu, bandar Tumpat, bandar Pasir Mas, bandar Kuala Krai (Hulu Kelantan), bandar Pasir Putih, bandar Kedai Buluh, bandar Kedai Banggol, bandar kedai Pengkalan Chepa, bandar kedai Pengkalan Datu, bandar Pendek, bandar Salor, bandar Kedai Tabal, bandar Selihong, bandar Kampung Laut, bandar Palekbang, bandar Kutan, bandar Wakaf Bharu, bandar Bunut Susu, bandar Tanah Merah (Tepi Sungai), bandar Pasir Tumboh, bandar Bachok dan bandar Semerak. Lihat notis no. 3 tahun 1919 di lampiran (6.3).

tambahan di dalam notis ini bersabit denda yang dikenakan bagi kesalahan untuk kali kedua. Notis ini telah menetapkan bagi kesalahan untuk kali kedua ialah \$300 dan jika gagal melangsaikannya akan dihukum penjara selama lapan belas bulan dan ditegah memasuki dua puluh dua tempat yang telah ditetapkan. Hal ini tidak disebut di dalam notis nombor 26 tahun 1916.

Secara rasionalnya, notis ini bertujuan untuk menakut dan menghalang perempuan jahat daripada meneruskan kegiatan mereka dengan cara mengenakan hukuman berat seperti denda yang tinggi kerana dengan denda sedemikian tentunya mereka tidak mampu menjelaskannya. Hukuman halau juga bertujuan untuk mengurangkan pelacuran di daerah berkenaan. Satu batu adalah suatu jarak yang jauh kerana tiadanya kemudahan infrastruktur. Begitu juga dengan tempat-tempat yang ditetapkan iaitu dua puluh dua buah tempat; ini bukanlah satu jumlah yang sedikit dan tempat-tempat ini pula merupakan kawasan bandar. Selain itu faktor masa turut diambil kira, lima tahun adalah suatu jangkamasa yang panjang dan belum tentu mereka akan mematuhi arahan ini kerana sebagai orang yang pernah hidup bebas mereka juga perlukan hiburan di luar daripada lingkungan hidup mereka. Namun kerana adanya batas-batas ini mereka terpaksa mengikutnya kerana jika melanggar akan dikenakan denda yang besar dan jika gagal menjelaskannya akan dipenjara.

Hukuman yang cuba dilaksanakan di bawah notis ini ditujukan kepada perempuan jahat sahaja. Walaupun juga barua (lelaki dan perempuan), namun persoalannya bagaimana dengan lelaki yang menjadi pelanggan. Apakah pelanggan bukan penyebab kepada berkembangnya kegiatan pelacuran?. Sekiranya hanya

perempuan jahat yang bersungguh-sungguh menawarkan perkhidmatan, tetapi tidak mendapat layanan daripada lelaki tentu kegiatan ini tidak berlaku, kerana setiap penawaran pasti ada permintaan. Mungkin keadaan waktu ini pelanggan atau “lelaki jahat” ini adalah kebal di sisi undang-undang kerana itu mereka tidak dikenakan sebarang tindakan sebagaimana yang dikenakan ke atas perempuan jahat.

Notis nombor 7 tahun 1919

Selain tiga notis yang telah dibincangkan, terdapat satu lagi notis yang dikeluarkan oleh kerajaan. Notis ini dibuat untuk memperbaiki notis-notis yang terdahulu. Notis nombor tujuh tahun 1919,¹⁰ misalnya dibuat untuk memperbaiki notis nombor tiga tahun 1919 bersabit hukuman di atas perempuan jahat dan segala orang yang menjadi barua. Lihat notis ini di bawah.

Kerajaan Kelantan
Notis nombor 7 tahun 1919.
Pembaiki pada tentang notis nombor 3 tahun 1919
dari pasal hukuman di atas perempuan jahat dan
segala orang yang jadi barua.¹¹

Bahawa telah suka Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Yang ke IV (K.S.M.J) Yang Di Pertuan Negeri Kelantan serta takluk jajahannya di dalam perhimpunan Mesyuarat Council mengeluarkan sabda seperti yang tersebut di bawah ini :

Buku nombor 1 yang ada di dalam notis itu dibaikikannya dengan ditambahkan lepas daripada perkataan “hendaklah” yang ada pada syarat yang kedua dengan perkataan ini “Apabila telah mendapat kebenaran daripada mesyuarat negeri” demikianlah adanya.

¹⁰ MAIK, 262/22, op.cit., hlm. 3.

¹¹ Ibid.

Pemberitahu

Sementara itu pada tahun 1922, pula kerajaan Kelantan telah mengeluarkan sebuah Pemberitahu,¹² yang menegah lelaki atau perempuan jahat daripada menumpang atau menyewa serta menasihatkan mereka supaya mengikuti notis kerajaan nombor lima dan dua puluh enam tahun 1916. Menurut notis ini,

Bahawa adalah majlis Ugama Islam dan Istimadat Melayu Kelantan sentiasa menanggung dukacita apakala beringatkan perangai perempuan-perempuan jahat yang melakukan persundulan itu sehingga tiada menaruh aib dan memeliharkan maruah bangsa dan ugama, maka telah berulang-ulang majlis memanggil dan memberi amaran atau nasihat tetapi nampaknya mereka itu berhatikan batu dan bertelingakan tempayan. Mereka itu tiada begitu menaruh ketakutan kerana cumalah pihak yang menjaga perkara itu sahaja yang bersungguh-sungguh dan mengambil lindung daripada menanya, adalah persundulan itu berjalan jua maka inilah, suatu jalan yang tersalah faham pada setengah orang yang melainkan perempuan-perempuan jahat itu terutama sekali orang yang memberi atau menyewakan kepada mereka itu rumah-rumah atau haknya difikirkan tiada apa-apa pada hal telah dilarangi oleh kerajaan dan syara' oleh sebab itu majlis nasihatkan mudah-mudahan dengan pemberitahu ini tuan-tuan hak itu tidaklah mereka yang demikian itu duduk atau menyewa lagi, dan jika didapati jua kemudian daripada diberitahu ini akan perempuan-perempuan itu atau laki-laki yang bercadangkan bagi pekerjaan itu duduk di situ lagi nescaya terpaksalah majlis menjalankan kuasanya mengikut notis-notis kerajaan dengan dibawa pendakwaan dalam mahkamah di atas mana-mana kesalahannya, kerana orang yang semacam itu ialah disifatkan orang yang tiada menurut suruhan ugama dan melanggar undang-undang negeri.¹³

¹² MAIK, 361/22, "Berkenaan dengan memberi notis kepada tempat-tempat perempuan duduk di dalam kawasan bandar."

¹³ Petikan di atas menunjukkan pemberitahu yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk mencegah lelaki atau perempuan daripada menumpang atau menyewa rumah bagi tujuan maksiat. Lihat pemberitahu ini di lampiran (6.4).

Berdasarkan petikan di atas, pihak MAIK menyatakan bahawa pihaknya tidak teragak-agak untuk mendakwa perempuan jahat di dalam mahkamah. Pendakwaan tersebut perlu dilaksanakan kerana perempuan jahat tidak mematuhi segala amaran atau nasihat yang diberikan supaya berhenti daripada pekerjaan mereka walaupun telah berulangkali dipanggil. Pendakwaan juga akan turut dilakukan ke atas orang yang memberi atau menyewakan rumahnya kepada perempuan jahat.

Selain itu pendakwaan akan juga merangkumi semua aspek seperti khalwat, berperangai jahat atau yang mengaibkan agama. Keadaan ini digambarkan oleh petikan di bawah,

Demikian juga majlis nasihatkan kepada sekalian samada laki-laki atau perempuan ketahuilah kiranya bukanlah kesalahan berkhawat sahaja yang ditegah melainkan perangai yang jahat atau mengaibkan ugama itu pun dilarangi juga, dan ada hak dibawa kesalahan itu ke dalam mahkamah...¹⁴

Jelasnya notis ini merangkumi beberapa perkara penting, pertamanya pemilik rumah tidak dibenarkan menumpang atau menyewakan kepada lelaki atau perempuan jahat. Sekiranya mereka mengingkari, tindakan akan dijalankan iaitu mereka akan didakwa di dalam mahkamah. Tegahan-tegahan ini bertujuan bagi menyekat perempuan jahat daripada meneruskan aktiviti mereka. Ini disebabkan mereka masih lagi aktif atau bergiat walaupun telah berulangkali dinasihati atau diberi amaran. Selain itu pendakwaan juga akan turut dijalankan ke atas orang-orang yang melakukan khalwat dan perangai buruk yang boleh menjelaskan imej agama.

¹⁴ Lihat lampiran (6.4).

Cadangan tahun 1931

Selain itu suatu cadangan telah dikemukakan pada tahun 1931. Cadangan ini bertujuan untuk melaksanakan semua tindakan undang-undang terhadap perempuan jahat. Perkara ini perlu dilakukan kerana belum ada pembalik atau pembatalan ke atas notis nombor 5 tahun 1916 dan notis nombor 26 tahun 1916, notis nombor 3 tahun 1919 dan nasihat Yang Teramat Mulia Raja Yang Dipertua Majlis (m.m) bilangan 361 tahun 1922. Cadangan ini juga perlu kerana pihak MAIK tidak menjalankan kuasa dengan sepenuhnya, kerana pihak MAIK sedang berikhtiar dan mencari cadangan baru yang lebih baik dan berkesan. Ini seperti digambarkan di dalam petikan di bawah.

Ketiadaan Majlis menjalankan kuasa dengan sepenuhnya ialah bagi sementara dapat ikhtiar dan cadangan-cadangan baharu yang difikirkan terlebih molek dan mendatangkan bertambah aman. Namun tidak boleh dibiarkan lama.¹⁵

Bertambah dan berleluasa “persundalan” dan kejahatan merupakan salah satu lagi sebab cadangan ini dikemukakan. Selain itu persoalan denda juga akan diambil kira. Ini kerana denda yang dikenakan kepada pesalah sebelum ini amat rendah. Melalui cadangan ini diharapkan terdapat perubahan terhadap denda yang akan dikenakan. Oleh itu perkara utama yang ingin dijalankan atau cadangan yang dikemukakan ialah bersabit dengan denda. Ini dapat dilihat di dalam petikan berikut,

...hendak dijalani semula segala kuasa dan kehendak - kehendak notis itu dengan seberapa daya upaya dan beberapa cermatnya. Selain itu dipohonkan kuasa mahkamah syariah boleh menyempurnakan hukuman mengikut notis-notis itu yakni tidak tersakat \$25 sahaja...¹⁶

¹⁵ MAIK, 280/31, “Cadangan hendak dijalankan semua kuasa berkenaan dengan perempuan jahat itu kerana pada masa ini terlampau banyak pada merata tempat bandar dan daerah,” hlm. 1.

¹⁶ Ibid.

Sepanjang tempoh sebelum Perang Dunia Kedua, undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan Kelantan bersabit kegiatan pelacuran dan keruntuhan moral adalah menyeluruh. Ia meliputi perempuan jahat, barua dan pemilik rumah pelacuran. Namun tidak dinafikan terdapat beberapa kelemahan. Pertama dari segi hukuman yang dijatuhkan ianya tidak menyeluruh. Hukuman hanya dikenakan ke atas perempuan jahat, iaitu tiada peruntukan untuk mengenakan hukuman ke atas lelaki jahat atau pelanggan. Persoalan denda yang terlalu rendah disedari oleh pihak MAIK. Oleh itu satu usaha dilakukan untuk menambah jumlah denda yang dikenakan. Ini dapat dilihat di dalam cadangan tahun 1931. Sementara itu penyewa yang membenarkan rumah sewaannya digunakan bagi tujuan pelacuran akan didakwa di mahkamah. Namun begitu undang-undang mencegah pelacuran sebelum Perang Dunia Kedua tidak memperuntukan hukuman ke atas pelanggan.

Pelaksanaan

Undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan Kelantan untuk mencegah kegiatan pelacuran seperti notis nombor 26 tahun 1916 dan notis nombor 3 tahun 1919 telah dilaksanakan. Pihak yang berperanan melaksanakan undang-undang tersebut ialah Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Ini sebagaimana dinyatakan di dalam notis kerajaan Kelantan nombor 5/1916 dan nombor 26/1916 iaitu MAIK dikuasakan menangkap serta membawa perbicaraan perempuan jahat. Menurut notis tersebut,

Maka seperti perkara perempuan-perempuan jahat itu telah dikuasakan kepada Majlis Agama menangkap dan membawa bicaranya sebagaimana yang terkandung di dalam notis kerajaan Kelantan nombor 5/1916 dan nombor 26/1916...¹⁷

Selain itu Majlis Mesyuarat Kerajaan telah bersetuju menyerahkan kepada budibicara MAIK bersabit dengan orang-orang jahat yang terdapat di dalam jajahan Kelantan. Kenyataan ini dapat dilihat di dalam petikan berikut,

Majlis mesyuarat kerajaan telah bersetuju menyerahkan kepada fikiran Majlis Agama tentang hal orang-orang jahat di dalam serata-rata daerah jajahan Kelantan yang demikian bolehlah majlis mencari jalan fikiran di atas tujuan kerajaan yang tersebut di atas ini.¹⁸

Selain itu juga, di dalam mesyuarat MAIK yang berlangsung pada 21hb. November, 1925 telah membuat keputusan bahawa semua anggota MAIK adalah mempunyai kuasa menangkap perempuan dan lelaki yang berkhalwat, melarang dan memberi nasihat kepada orang yang didapati melakukan pekerjaan yang ditegah oleh syara' dan undang-undang negeri. Perkara ini dimaklumkan oleh Setiausaha MAIK sebagaimana berikut ;

...Adalah keputusan mesyuarat majlis pada 21hb. November, 1925 bahawa semua anggota Majlis Ugama berkuasa menangkap perempuan-perempuan dan laki-laki yang melakukan pekerjaan khalwat yang ditegah oleh syara' dan

¹⁷ MAIK, 128/36, "Minta keterangan siapakah yang telah dikuasakan menangkap perempuan-perempuan jahat di dalam negeri Kelantan," hlm.2.

¹⁸ Perkara di atas telah dinyatakan oleh Dato' Bentara 'office' Menteri di dalam suratnya kepada Setiausaha MAIK. Lihat PMK, 7/17, "Berkenaan dengan orang-orang jahat kerajaan serahkan kepada fikiran Ahli Majlis Agama Islam."

undang-undang negeri. Oleh hal yang demikian berkuasalah tuan menangkap laki-laki dan perempuan-perempuan berkhalwat serta pula melarang dan memberi nasihat kepada orang yang didapati melakukan pekerjaan yang ditegah oleh syara'dan undang-undang negeri itu.¹⁹

Daripada kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan bahawa, semua anggota Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan adalah berkuasa untuk melaksanakan undang-undang bersabit keruntuhan moral.

Sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan atau pihak-pihak yang terlibat dibuktikan bersalah, atau sesuatu kes dibawa ke muka pengadilan terdapat beberapa prosedur yang perlu dilalui. Pihak MAIK telah pun mengeluarkan arahan khusus kepada orang ramai berhubung dengan laporan yang ingin dibuat. Arahan ini terkandung di bawah notis nombor 5 tahun 1916.²⁰

Setelah mendapat segala maklumat, pihak MAIK dengan bantuan polis akan menyiasat dan membawa kes tersebut ke muka pengadilan. Menurut kadi Besar Kelantan,²¹di dalam perkara jenayah tangkapan dilakukan oleh penyelia agama (pencegah/lain-lain). Seterusnya penyelia akan membuat laporan kepada Pendakwa Syari'. Seterusnya Pendakwa Syari' akan mengkaji jenis tuduhan sarnada (khawat/zina/tidak sopan) atau Pendakwa Syari' akan mengkaji fakta kes untuk merangka tuduhan atas tertuduh. Setelah berpuashati atas laporan, beliau seterusnya akan

¹⁹ MAIK, 179/25, "Pasal perempuan-perempuan sundal di dalam Kelantan," hlm. 1.

²⁰ Sila lihat notis ini di lampiran (6.1).

²¹ Temubual penulis dengan Kadi Besar Kelantan, Datuk Haji Daud bin Muhammad (1989- kini) pada 4hb. Jun, 1996.

merangka dan menyelia pertuduhan mengikut yang ada dalam borang tertentu seterusnya dikemukakan kepada mahkamah. Kemudiannya mahkamah yang akan menetapkan (bersidang) membaca tuduhan.

Sebelum sesuatu kes dibawa ke pendakwaan beberapa pihak akan diambil kenyataannya. Pihak ini biasanya terdiri daripada O.C.P.D. selaku (pengadu atau orang yang membuat aduan), orang yang kena tuduh, kenyataan saksi-saksi, kenyataan wakil MAIK dan seterusnya pendakwaan dijalankan di dalam Mahkamah Syariah.

Fail 338/38,²² dijadikan contoh untuk menjelaskan tentang perdakwaan sesuatu kes oleh MAIK. Kes dakwaan adalah berkenaan dengan fasal menolong atau memajukan tempat persundalan. Pihak terbabit di dalam kes ini ialah O.C.P.D. Kota Bharu dan Bachok, Encik Muhamed Sha'ary sebagai pengadu, tertuduh iaitu Owi Seng s/o Owi Pen, Mek Som binti Mat Ali dan Che Mat bin Che Soh, saksi dua orang iaitu mata-mata nombor 347 Mahmud bin Hamat dan mata-mata nombor 338 Husin bin Ismail.

Menurut O.C.P.D. Kota Bharu dan Bachok iaitu Encik Muhamed Sha'ary bin Mohamed bahawa beliau telah lama mengetahui di Lorong Encik Kadir (Tuar) masyhur sebagai tempat persundalan. Menurut beliau, pada malam tangkapan dibuat beliau menjalankan operasi bersama-sama Mata-mata Gelap nombor 347 Mahmud dan Mata-mata Gelap nombor 338 Husin. Menurutnya lagi pada pukul 10.00 malam mereka bertiga sampai di belakang gudang Cina Seng di Lorong Encik Kadir setelah mengadakan rondaan selama setengah jam. Setelah mengintai beliau mendapati seorang lelaki

²² Lihat MAIK, 338/38, "Berkenaan dua orang telah ditangkap semalam 13/7/38 pasal kesalahan berkhawat iaitu Mek Som di gudang Lorong Kadir diminta majlis dakwa di atas kesalahan itu."

berkhalwat dengan seorang perempuan. Beliau seterusnya masuk dan berjaya menangkap Cina Seng yang sedang menjaga di hadapan gudangnya. Ketiga-tiganya telah dibawa ke balai polis, kemudiannya mengenakan jamin ke atas Che Mat dan Mek Som serta hendak mendakwa Cina Seng atas kesalahan memajukan tempat persundalan. Berikut adalah laporan yang dibuat oleh O.C.P.D. Encik Muhammed Sha'ary,

Pada lebih kurang pukul 10.30 p.m. 13/7/38 saya keluar round sekali dengan P.C. 347 dan P.C. 338 Husin kerana hendak menangkap tuan-tuan rumah yang telah mashor memajukan tempat persundalan iaitu di Lorong Encik Kadir (Tuar), pada 11.00 malam saya bertiga sampai di belakang gudang Cina Seng di Lorong Encik Kadir, saya mengintai ke dalam bilik nampak seorang laki-laki dan seorang perempuan yang berkhalwat, saya masuk terus dan tangkap Cina Seng yang ada menjaga di hadapan gudangnya serta saya ambil nama laki-laki dan perempuan itu, Che Mat bin Che Soh dan Mek Som binti Mat Ali, ketiga ini saya bawa ke *police station* dan serahkan kepada sarjan 64 Ismail, Che Mat dan Mek Som saya lepaskan dengan jalan jamin diri sendiri sampai hari dipanggil, yang demikian saya hendak dakwa Cina Seng kesalahan pasal memajukan tempat persundalan kesalahan di bawah seksyen 6 (ii) (A),(C) undang-undang.²³

Menurut tertuduh kes ini iaitu Owi Seng s/o Owi Pen, beliau mengaku salah kerana menjalankan pekerjaan menyediakan tempat persundalan. Di dalam pengakuannya beliau menyatakan bahawa beliau tidak mengenakan bayaran yang tertentu bagi orang yang tidur dengan perempuan bujang (pelacur) dibiliknya. Beliau bagaimana pun mengaku mengenali Mek Som, tetapi tidak mengenali Che Mat. Di dalam pengakuannya juga beliau mengatakan yang beliau menyewa gudang tersebut daripada Tengku Besar dengan sewa \$6.00 sebulan. Berikut adalah kenyataan Owi Seng,

²³ Ibid., hlm.2.

Gudang yang saya sewa itu hak Tengku Besar punya, saya sewa \$6.00 sebulan. Saya tak kenal orang yang pergi pungut wang sewa itu bukan Tengku Besar. Saya kenal Mek Som. Saya tak kenal Che Mat tiap-tiap orang tidur dengan perempuan bujang di bilik saya bayaran tidak tentu. Saya orang makan candu, dan boleh dikata kan kehidupan saya dengan ini jalan. Waktu Che Mat dan Mek Som ada di dalam bilik O.C.P.D. dan mata-mata masuk tangkap saya ada di luar di dalam gudang saya. Saya salah.²⁴

Menurut Mek Som pula beliau telah lama mengenali Cina Seng dan pada petang 13hb. Julai, 1938 beliau telah berjalan ke gudang Seng. Menurut beliau pada lebih kurang pukul 10.00 malam beliau didatangi oleh Che Mat yang sebelum ini tidak pernah dikenalinya. Che Mat, kemudiannya mengajak beliau tidur di dalam gudang Seng. Setelah selesai berjahat O.C.P.D. dan mata-mata masuk tangkap. Menurut beliau lagi, beliau belum menerima apa-apa bayaran lagi daripada Che Mat dan tentang sewa bilik Seng beliau sendiri tidak mengetahui berapa Che Mat beri namun lazimnya 10 sen. Kenyataan Mek Som adalah seperti berikut :

Saya bujang dua tahun. Saya lama sudah mari Kota Bharu dan duduk di Lorong Syed Husin. Saya tak kenal Che Mat, baharu ini malam. Saya kenal Cina Seng tuan rumah sudah lama. Ini petang lebih kurang 7.00 p.m. 13/7/38 saya pergi berjalan di gudang Seng. Lebih kurang 10.00 p.m saya ada di luar gudang Seng datang Che Mat ajak saya masuk tidur di dalam gudang Seng. Upahan tidak janji. Kemudian saya pun "berjahat" dengan Che Mat sekali sahaja, lepas berjahat O.C.P.D. dan mata-mata pun masuk tangkap. Waktu ini saya belum basuh lagi. Saya belum terima wang lagi dari Che Mat. Sewa bilik Seng saya tak tahu berapa Che Mat bagi lazim 10 sen.²⁵

²⁴ Ibid., hlm. 3.

²⁵ Ibid., hlm. 4.

Menurut Che Mat bin Che Soh, beliau tidak mengenali Mek Som dan Cina Seng sebelum ini. Beliau ke Lorong Encik Kadir pada pukul 10.00 malam pada 13hb. Julai, 1938 dan berjumpa dengan Mek Som di kaki lima gudang Cina Seng dan seterusnya mengajak beliau “berjahat” di dalam gudang Seng. Walaupun beliau memberitahu hanya mempunyai 30 sen namun Mek Som bersetuju, selepas tidur baharu diberi duit. Cina Seng tidak meminta apa-apa bayaran namun begitu sebelum daripada itu Mek Som telah pun memberitahu bahawa 10 sen sekali sewa. Setelah berjahat O.C.P.D. dan mata-mata masuk tangkap. Menurut Che Mat,

Saya bujang saya duduk di Banggol dan yang kenal saya Pak Leh orang dalam Kota Sultan. Saya tak kenal Mek Som, baharu ini malam. Saya tak kenal Cina Seng tuan rumah. Lebih kurang 10.00 p.m. 13/7/38 saya pergi Lorong Encik Kadir, kemudian jumpa dengan Mek Som di kaki lima Cina Seng, lalu dia ajak saya masuk tidur “berjahat” di dalam gudang Seng. Saya kata tiada wang ada 30 sen sahaja. Kemudian Mek Som bersetuju. Lepas tidur baharu bagi duit, Cina Seng ada juga tetapi dia tidak minta duit apa-apa kerana Mek Som sudah kata kepada saya 10 sen sekali sewa. Saya pun tidur sekali dengan Mek Som, kemudian lepas tidur hendak pergi basuh O.C.P.D. dan mata-mata masuk tangkap.²⁶

Saksi memainkan peranan penting dalam sesuatu pendakwaan kes. Ketiadaan saksi menyebabkan sesuatu tuduhan itu tidak dapat dibuktikan kesahihannya. Dalam kes dakwaan berkenaan dengan fasal menolong atau memajukan tempat persundalan ini dua orang saksi terlibat iaitu mata-mata nombor 347 Mahmud bin Hamat dan mata-mata nombor 338 Husin bin Ismail. Menurut kenyataan saksi kedua Husin bin

²⁶ Ibid., hlm. 5.

Ismail, beliau bersama-sama dengan nombor satu (Mata-mata nombor 347, Mahmud bin Hamat) telah menemani O.C.P.D. menjalankan rondaan di Lorong Encik Kadir pada pukul 10.00 malam pada 13hb. Julai, 1938. Setelah sampai di rumah yang disewa oleh Cina Owi Seng beliau mengintai di rumah tersebut dan mendengar seperti orang berjalan di dalamnya. Lalu beliau memberitahu kepada O.C.P.D. Seterusnya beliau bersama O.C.P.D. dan nombor satu masuk ke dalam. Setelah disuluh dengan lampu picit beliau mendapati seorang perempuan tidur dalam bilik yang menurutnya sakit perut. Perempuan tersebut namanya Mek Som binti Mat Ali. Sementara di dalam tandas pula terdapat laki-laki bernama Che Mat bin Che Soh. Kedua-duanya kemudian dibawa ke rumah pasung (balai polis) untuk dijamin. Berikut adalah kenyataan lengkap nombor dua iaitu Mata-mata nombor 338, Husin bin Ismail,

Pada pukul 10.00 malam 13/7/38 saya berdua dengan nombor satu menurut O.C.P.D. round dan sampai di Lorong Encik Kadir. Saya seorang intai di rumah yang disewa duduk oleh Cina Owi Seng s/o Owi Peng di Kampung sebelah hilir sekali daripada rumah yang mashur itu. Saya dengar dalam gelap itu berbunyi macam kaki orang berjalan di dalam itu lalu saya royat (beritahu) kepada O.C.P.D. dia pun bersekali nombor satu dan saya terus masuk dalam gelap disuluh dengan lampu picit tengok perempuan seorang tidur bilik O.C.P.D. tanya ia jawab sakit perut duduk seorang sahaja. Saya suruh tengok laki-laki dalam jamban kencing (tandas) lalu saya royat dan dia suloh ada dalam jamban itu O.C.P.D. tanya nama laki-laki Che Mat bin Che Soh orang Kedai Buloh perempuan Som binti Mat Ali orang Kampung Kijang kemudian dibawa ke rumah pasung diberi jamin.²⁷

²⁷ Ibid., hlm. 6.

Sebelum pendakwaan dijalankan di Mahkamah Syariah, wakil MAIK akan mengemukakan laporan berkenaan kes yang ingin didakwa. Di dalam laporannya, wakil MAIK menyatakan bahawa O.C.P.D. bersama dengan mata-mata nombor 347 Mahmud dan mata-mata nombor 338 Husin telah mengadakan rondaan pada pukul 10.00 malam bertarikh 13 hb. Julai, 1938 dan ketiga-tiganya sampai di Lorong Encik Kadir lebih kurang pukul 10.30 malam. Di dalam laporannya wakil MAIK menyatakan bahawa Husin telah mengintai di rumah yang disewa oleh Cina Seng setelah mendengar seperti orang berjalan. Kemudiannya keluar memberitahu kepada O.C.P.D. dan seterusnya ketiga-tiganya masuk ke dalam.

Setelah disuluh dengan lampu didapati seorang perempuan sedang tidur dalam bilik, perempuan tersebut menyatakan beliau sakit perut dan tinggal seorang sahaja setelah disoal oleh O.C.P.D. Walau bagaimanapun mata-mata Mahmud yang sudah pun melihat lelaki dalam tandas telah memberitahu O.C.P.D.; O.C.P.D. kemudiannya menyuloh dengan lampu dan mendapati lelaki tersebut bernama Che Mat bin Che Soh sementara nama perempuan Mek Som binti Mat Ali. Kesemuanya dibawa ke rumah pasung (balai polis) dan dibenarkan jamin. Menurut wakil MAIK lagi bahawa kes ini boleh didakwa kerana terdapat persaksian tiga orang iaitu O.C.P.D., Mata-mata nombor 347 dan Mata-mata nombor 338. Berikut adalah penyata lengkap daripada wakil MAIK,

O.C.P.D. keluar round dengan Mahmud mata-mata nombor 347 dan Husin mata-mata nombor 338 pada pukul 10.00 malam 13/7/38 dan sampai di Lorong Encik Kadir lebih kurang pukul 10.30 malam. Husin masuk intai di sebelah belakang berbunyi dalam rumah seperti orang berjalan-jalan iaitu rumah yang disewa duduk oleh Cina Owi Seng s/o Owi Pen ialah pada deretan sebelah hilir sekali daripada rumah dua lapis yang mashur

tempat persundalan itu. Lalu Husin keluar royat kepada Encik Sha'ary ia bertiga pun terus masuk langsung masuk ke belakang dalam gelap disuluhnya dengan lampu picit tengok ada seorang sahaja perempuan Melayu tidur dalam suatu bilik. Encik Sha'ary tanya jawabnya ia sakit perut duduk seorang sahaja, tetapi Mahmud sudah tengok laki-laki ada dalam jamban kencing atau tempat membasuh lalu Mahmud royat dan Encik Sha'ary suloh dengan lampu picit ada laki-laki dalam jamban itu ia jawab pertanyaan namanya Che Mat bin Che Soh orang Kedai Buloh. Perempuan nama Mek Som binti Mat Ali orang Kampung Kijang. Semuanya dibawa ke rumah pasung dan orang ini diberi jamin diri sendiri, saya kata ada jalan boleh dakwa dengan persaksian tiga orang yang tersebut adanya.²⁸

Seterusnya pendakwaan dijalankan di dalam Mahkamah Syariah atas tuduhan berkhawlwat yang ditegah pada hukum syara'. Di dalam pendakwaan tersebut wakil Majlis Agama Islam bertindak mendakwa sementara Mek Som binti Mat Ali dan Che Mat bin Che Soh sebagai orang yang kena dakwa. Kedua-dua nama tersebut dituduh melakukan khawlwat di rumah yang disewa oleh Cina Owi Seng s/o Owi Pen di deretan sebelah hilir sekali daripada rumah-rumah di Lorong Encik Kadir lebih kurang pukul 10.00 malam Khamis bertarikh 13hb. Julai, 1938. Pihak MAIK meminta mahkamah mendakwa kedua-dua orang ini yang ketika ini berada dalam jamin polis. Di dalam perkara ini saksi-saksinya ialah Encik Muhammed Sha'ary O.C.P.D., Mata-mata nombor 347 Mahmud dan Mata-mata nombor 338 Husin.

Hukuman yang biasa dijalankan ke atas perempuan jahat dan barua ialah "halau keluar bandar". Walau bagaimanapun sebelum hukuman tersebut dilaksanakan, mereka terlebih dahulu diberi amaran. Sekiranya amaran tersebut tidak diendahkan baharulah hukuman halau dilaksanakan. Terdapat kes di mana perempuan-perempuan

²⁸ Ibid., hlm. 7.

jahat telah dipanggil oleh pihak MAIK dan mereka telah diberi amaran yang kuat supaya berkahwin dalam tempoh sebulan, kalau tidak MAIK akan menjalankan hukuman, dengan menghalau ke luar bandar.²⁹ Di dalam kes ini bermakna hukuman halau ke luar bandar hanya akan dilaksanakan sekiranya mereka tidak berkahwin dalam tempoh sebulan.

Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa hukuman halau ke luar bandar telah dilaksanakan. Ini dapat dilihat di dalam surat Setiusaha MAIK kepada Kadi Pasir Putih bertarikh 30hb. Jun, 1917 berkenaan seorang perempuan jahat bernama Siti Minah binti Bulat. Di dalam surat tersebut setiausaha MAIK meminta mahkamah Kadi Pasir Putih supaya memanggil perempuan terlibat dan memberi amaran supaya keluar dari bandar Pasir Putih dan perempuan tersebut hendaklah ditegah daripada menduduki bandar-bandar di dalam negeri Kelantan, di dalam masa satu tahun lamanya.³⁰

Di dalam kes lain, Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Muhammad Yang ke IV telah menitahkan supaya Kalsom (Bongkok) binti Awang Kechik dan Mak Yam binti Haji Ibrahim dikeluarkan daripada mana-mana bandar di dalam jajahan Negeri Kelantan di dalam masa setahun daripada 21hb. Oktober, 1916. Sekiranya salah satu daripada keduanya atau pun keduanya sekali masuk ke dalam bandar atau mengingkari arahan yang dikeluarkan maka mereka boleh didenda atas tiap-tiap sekali kesalahan \$50.³¹ Kedua-dua perempuan ini amat masyur dan menjadi pengantara di antara perempuan jahat dengan pelanggan berbangsa Cina dan lain-lain.

²⁹ MAIK, 125/21, "Berkenaan dengan empat orang perempuan jahat melakukan kejahanan."

³⁰ MAIK, 132/17, "Berkenaan dengan perempuan-perempuan jahat dalam bandar Pasir Putih."

³¹ MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 2 dan 5.

Sementara itu, di dalam kes yang lain Yang Di Pertua Majlis Agama dan Istiadat Melayu iaitu Tengku Hassan telah meminta Hakim Mahkamah Syariah Kota Bharu iaitu Wan Muhammad supaya memerintah kedua-dua perempuan iaitu Emas binti Ismail dan Putih anak saudara Membunga keluar daripada bandar Kota Bharu dan melarang kedua-duanya daripada menduduki di dalam mana-mana bandar dalam tempoh tiga hari di dalam masa enam bulan. Selain itu mahkamah juga diminta supaya menjatuhkan hukuman denda \$100 atau penjara enam bulan mengikut buku 4 notis nombor 26/16 sekiranya salah satu atau kedua-duanya masuk ke dalam mana-mana bandar.³²

Kes-kes yang dinyatakan di atas membuktikan bahawa hukuman halau ke luar bandar telah dilaksanakan ke atas perempuan jahat dan barua. Selain dihalau daripada bandar tersebut mereka juga ditegah daripada menduduki mana-mana bandar yang terdapat di dalam jajahan Negeri Kelantan. Merujuk kepada kes-kes yang telah dinyatakan di atas mereka biasanya ditegah daripada menduduki di dalam mana-mana bandar dalam tempoh tiga hari di dalam masa enam bulan atau di dalam masa satu tahun lamanya. Sekiranya mereka melanggar atau tidak mematuhiinya maka hukuman denda akan dilaksanakan. Dalam kes yang telah disebutkan denda yang dikenakan ialah tiap-tiap sekali kesalahan \$50 atau didenda \$100 atau penjara enam bulan.

Hukuman halau dilaksanakan, sebagaimana notis nombor 26 tahun 1916, berkenaan dengan laki-laki dan perempuan jahat serta notis nombor tiga tahun 1919 mengenai hukuman di atas perempuan jahat dan segala orang yang menjadi barua.

³² Ibid., hlm. 5.

Hukuman walaupun telah dilaksanakan, iaitu halau keluar bandar dan ditegah daripada menduduki mana-mana bandar dalam jajahan serta mengenakan denda tertentu bagi yang mengingkari, namun begitu dari segi perlaksanaannya, tidak seratus peratus mengikut hukuman yang terkanun dalam undang-undang (notis nombor 26 tahun 1916 dan notis nombor 3 tahun 1919) atau dengan kata lain perlaksanaannya agak longgar iaitu hukuman yang dikenakan lebih ringan berbanding hukuman yang terkanun di dalam undang-undang.

Seperti yang dinyatakan di atas hukuman maksima yang dikenakan ke atas barua ialah dihalau keluar daripada bandar dan ditegah daripada menduduki mana-mana bandar dalam tempoh satu tahun lamanya, jika mengingkari mereka akan didenda \$100 atau penjara enam bulan. Walhal kalau mengikut notis nombor 3 tahun 1919 hukuman halau hendaklah ke tempat yang jauhnya satu batu daripada tiap-tiap bandar dan ditegah memasukinya di dalam tempoh tidak lebih lima tahun dan jika melanggarnya didenda sakat \$100 atau enam bulan penjara pada kali pertama dan \$300 pada kali kedua jika tidak menyempurnakannya dipenjara lapan belas bulan.

Kelonggaran ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara; seperti ia “dilakukan di tempat secara beramai-ramai, berjanji untuk berkahwin dan kesalahan tersebut merupakan kesalahan bagi kali pertama.” Memandangkan kepada faktor kes maka hakim akan membuat keputusan berdasarkan kepada pertimbangannya. Terdapat satu kes tidak puashati di mana denda yang dikenakan ke atas kesalahan khalwat adalah terlalu rendah berbanding denda yang dikenakan ke atas kes yang sama sebelum ini.

Perkara ini disuarakan oleh Peguam MAIK kepada Dato' Mufti Haji Idris.

Menurut Peguam MAIK, beliau tidak berpuashati di atas keputusan Mahkamah Syari' di dalam perkara berkhalwat yang melibatkan enam orang. Keenam-ennamnya telah dibicarakan dan didenda tiap-tiap seorang \$15.00 dan yang dua lagi tiap-tiap seorang \$10.00. Menurut beliau sebelum ini hukuman denda yang dikenakan ialah \$45.00 pada tiap-tiap seorang di atas kes yang sama (kes khalwat sebelum ini) ³³

Sebagai menjawab pertanyaan Peguam MAIK, Dato' Mufti menyatakan bahawa terdapat beberapa pertimbangan dilakukan apabila menjatuhkan hukuman. Menurutnya, beliau menjatuhkan denda di atas tiap-tiap enam orang \$15.00 kerana didapati tempat melakukannya ialah di tempat awam beramai-ramai dan di dalam masa bekerja. Dan dua orang lagi didenda \$10.00 tiap seorang kerana terdapat akuan daripada tertudoh bahawa dia ingin berkahwin apabila lepas edah. Menurut Dato' Mufti,

Ada pun sebab ditimbang denda di atas tiap-tiap enam orang \$15 kerana didapati tempat melakukan itu ialah di tempat beramai-ramai di dalam masa bekerja. Dan sebab ditimbang denda di atas tiap-tiap dua orang \$10 itu kerana nampaknya di dalam akuannya itu hendak berkahwin bila lepas edah.³⁴

Selain menjatuhkan hukuman halau dan denda, terdapat juga hukuman yang dijatuhkan secara takzir.³⁵ Hukuman takzir ialah satu hukuman untuk memberi pengajaran bagi setiap kesalahan yang tidak sabit baginya hukuman had atau kifarat, iaitu

³³ MAIK, 276/21, "Tanggung empat kelamin perempuan-perempuan jahat berkhalwat dengan Siam menora di Pasir Mas ditangkap pada 27/7/21," hlm. 2.

³⁴ Ibid., hlm. 3.

³⁵ Kamarudin Mohamad, "Khalwat: Satu Kajian Kes di Mahkamah Syariah Kelantan dari Tahun 1982-1987," Tesis B.A., Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 6.

hukuman yang bertujuan untuk memberi pengajaran. Ia ditentukan oleh hakim ke atas sesuatu kesalahan jenayah atau pun maksiat yang telah ditentukan bentuk dan kadarnya oleh syara', atau pun kesalahan yang telah ditentukan hukumannya, tetapi tidak lengkap syarat-syarat untuk dilaksanakan hukumannya seperti pergaulan lelaki dengan perempuan yang bukan muhrimnya tanpa persetubuhan.

Berikut adalah satu contoh hukuman takzir yang pernah dikenakan ke atas kesalahan khalwat;

Apabila sabitlah orang yang kena dakwa ialah berkhawat jika perempuan itu bini orang atau di dalam edah orang maka bolehlah ditakzirkan kedua pihak itu dengan dijil tiada boleh lebih daripada kurang sehari setahun atau sebelas bulan 29 hari atau denda tiada boleh lebih daripada seratus lima puluh ringgit (150 \$) dan jika perempuan itu tidak bini orang dan tidak di dalam edah orang maka boleh takzirkan kedua-dua pihak itu dengan mana-mana timbangan hakim demikian adanya.³⁶

Hukuman takzir yang dikenakan ke atas kesalahan khalwat seperti di atas adalah mengikut status seseorang iaitu sekiranya yang didakwa adalah (isteri) orang atau di dalam edah, maka hukuman yang akan dikenakan ialah kedua-dua pihak akan dipenjara tidak lebih daripada kurang sehari setahun atau sebelas bulan dua puluh sembilan hari atau denda tidak lebih daripada seratus lima puluh ringgit. Sebaliknya jika perempuan tersebut bukan isteri orang atau bukan di dalam edah maka hukuman takzir akan dijatuhkan mengikut pertimbangan hakim.

³⁶ PBK, 61/16, "Minta tangkap perempuan dan laki-laki yang berkhawat mengikut notis no. 4/1328," him. 2.

Perlaksanaan hukuman takzir berlainan tentang cara dan kadarnya mengikut keadaan besar dan kecil sesuatu kesalahan itu. Antara hukuman takzir ialah seperti dengan cara pukul, tempeleng, tengking, bangunkan dari tempat duduk, tanggalkan pakaianya, cukur kepalanya (bagi orang yang tidak suka dicukur kepalanya) dan dibuang negeri.³⁷ Takzir juga merupakan hukuman yang tidak ditentukan oleh syara' kadar hukumannya. Penentuan hukumannya adalah terletak pada pemerintah atau hakim yang mujtahid.³⁸

Terdapat kes mengenai, seorang perempuan bernama Fatimah telah "bermain" dengan lelaki berbangsa Cina. Di dalam kes tersebut Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan mahkamah Syariah supaya menjatuhkan hukuman dengan mendirikan perempuan tersebut di tengah jalan dan dikawal oleh mata-mata serta diconteng muka perempuan tersebut. Menurut Hakim Mahkamah Syariah,

Adalah patik dengan beberapa takzim sembah memaklumkan pada hari Isnin 12 Jun, 1916 patik ada menerima memo yang bersain Dato' Bentara Setia termaklum di dalamnya dengan titah ke-Bawah Duli menyuruh contengkan muka perempuan Patimah yang melakukan khalwat dengan seorang Cina iaitu tambahkan di atas hukuman yang termaklum dalam surat tuan penasihat itu. Maka pada menyembah makluman patik ada menerima sepucuk surat tuan penasihat tersebut di dalam pendapatannya semoleknya di atas perempuan itu dihukumkan dengan dipediri di tengah jalan serta dikawal oleh mata-mata.³⁹

³⁷ Kamarudin Mohamad, op.cit., hlm. 6.

³⁸ Ibid., hlm. 7.

³⁹ PBK, 61/16, op.cit., hlm. 4.

Keberkesanan

Setiausaha MAIK pernah menyatakan bahawa pelacuran itu tidak boleh diberhentikan samasekali walaupun dalam sebuah negeri yang tinggi tamadunnya, tetapi ia boleh dikurangkan.⁴⁰ Sehubungan dengan ini pelbagai tindakan telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengurang dan membasmi pelacuran serta keruntuhan moral yang lain. Perlaksanaan undang-undang merupakan salah satu cara ke arah tersebut. Namun begitu keberkesanan undang-undang yang telah diperkenalkan sering dipersoalkan. Ini memandangkan kegiatan keruntuhan moral bersabit pelacuran kian bertambah dari semasa ke semasa. Setiausaha MAIK sendiri pernah menyatakan bahawa sepanjang beliau menjadi setiausaha ramai di kalangan perempuan jahat telah ditangkap dan didakwa serta kesemuanya telah didenda namun begitu tidak juga dapat mengurangkan kejahatan. Menurut beliau keadaan ini berlaku kerana hukuman tersebut amat ringan. Sehubungan dengan itu suatu hukuman yang lebih berat perlu dijalankan supaya kejahatan dapat dikurangkan. Menurut setiausaha MAIK,

...Semenjak patik memegang jawatan setiausaha majlis ugama itu berapa banyak perempuan telah ditangkap dan didakwa, dan kesemuanya telah didenda, tetapi nampaknya hukuman itu amat ringan dan tidak boleh mengurangkan kejahatan itu oleh sebab itu patik fikir patutlah dijalankan satu hukuman yang terlebih berat supaya mudah-mudahan takutlah orang-orang jahat dan berkurlah kejadian dan keaibpan yang dijalankan ditengah terang itu.⁴¹

⁴⁰ MAIK, 125/21, op.cit., hlm. 1.

⁴¹ Ibid.

Situasi yang sama disuarakan oleh Peguam MAIK kepada Dato' Mufti Haji Idris. Peguam MAIK menyatakan rasa tidak puashati beliau ke atas denda yang dikenakan kepada orang yang berkhawat. Menurut beliau denda tersebut terlalu ringan dan tidak sekali-kali mendatangkan ketakutan bahkan telah dipersenda-sendakan pula. Beliau sendiri pernah mendengar tentang sendaan daripada salah seorang yang didakwa yang dia akan menjalankan semula kegiatannya kerana tidak perlu ditakutkan kerana dendanya terlalu rendah. Menurut Peguam MAIK,

...denda itu tidak sekali mendatangkan ketakutan bahkan disenda-senda sehingga seorang salah itu bernama Siti berkata dijalan yang saya sendiri dengar yang dia nanti jalankan semula kerana apa ditakut hanyalah \$15...⁴²

Terdapat juga kes, mereka telah diberi amaran supaya berhenti daripada melaku dan menjalankan pekerjaan sebagai barua (ibu atau bapa ayam), namun amaran tersebut tidak dipatuhi. Hal ini dapat dilihat mengenai kes yang melibatkan seorang lelaki bernama Salleh bin Midin. Salleh ini didapati dengan jelas melakukan dan menjalankan pekerjaan sebagai bapa ayam di dalam bandar Pasir Putih.

Said bin Awang dari Kampung Kelubi,⁴³ menyatakan bahawa beliau mengetahui mengenai Salleh bin Midin. Menurut beliau Salleh bin Midin ada menyimpan pelacur di rumahnya. Antara pelacur yang kerap ke rumahnya ialah Minah dan Mek Bah serta Timah orang Pasir Tumboh. Sementara yang kadang-kadang datang

⁴² MAIK, 276/21, op.cit., hlm. 2.

⁴³ Said bin Awang Kampung Kelubi ialah peon mahkamah Pasir Putih orang yang memberi kenyataan dan mengetahui mengenai kegiatan Salleh bin Midin sebagai barua. Lihat MAIK, 262/22, op.cit., hlm. 3

ialah Mek Wuk orang Tasik, Minah orang Padang Bembang, Zainab orang Kampung Kelubi dan Membunga orang Kampung Tok Ajam. Apabila perempuan-perempuan ini ke rumahnya, maka kedapatan ramai lelaki ke sana. Selalunya Salleh yang akan membawa lelaki-lelaki tersebut kepada perempuan-perempuan yang berkumpul di rumahnya. Antara yang sering dibawanya ialah Wan Jusoh orang Kampung Kut Jeding, Hamat Alor Pasir dan Awang Besar kuli Cina Ah Lok Kelubi. Ramai yang mengetahui berkenaan kegiatan Salleh ini kerana beliau tidak memilih sesiapa dan akan mendapat upah.

Kegiatan beliau cuba ditangani oleh Kadi Pasir Putih, dengan memberi amaran kepada beliau supaya berhenti; namun amaran tersebut tidak diendahkannya. Beliau masih juga menyimpan di rumah serta membawa pelacur ke merata-rata tempat di dalam bandar. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Setiausaha MAIK,

...Majlis Agama telah menerima satu penyata daripada Kadi Pasir Putih atas seorang nama Salleh bin Midin yang telah didapati keterangan yang cukup bahawa ia melakukan dan menjalankan pekerjaan, barua perempuan-perempuan jahat di dalam bandar Pasir Putih. Maka tuan kadi itu telah memberi amaran kepadanya berapa kali supaya berhenti daripada pekerjaan yang hina dan keji itu, tetapi nampaknya ia tidak patuhkan sekali-kali dan masih juga menyimpan berapa orang perempuan bujang di rumahnya dan dijajakan serata-rata tempat di dalam bandar itu...⁴⁴

Menjalankan kegiatan di tempat baru juga menyebabkan kegiatan pelacuran sukar dibendung. Seorang perempuan yang menjadi barua bernama Hitam pernah dihalau oleh MAIK dengan tidak membenarkannya duduk di dalam bandar Kota

⁴⁴ Ibid.

Bharu. Namun begitu beliau kemudiannya meneruskan pula kegiatannya sebagai barua di tempat yang baru iaitu di Kampung Langgar Raja (tempat kediaman baru setelah dihalau). Dengan kata lain beliau tidak mengubah tabiatnya. Di sana beliau telah menyediakan tempat tidur di dalam rumahnya. Pada siang dan malam hari didapati perempuan-perempuan jahat tidur dengan pelanggan di dalam rumahnya.

Sehubungan dengan itu penduduk Kampung Langgar Raja yang diwakili oleh Haji Nik Mat bin Nik Wan Sulaiman telah menggesa pihak MAIK supaya menghalau Hitam dari Kampung Langgar Raja ke tempat lain. Antara lain, di dalam suratnya Nik Mat menyatakan,

Dengan hormat saya Haji Nik Mat bin Nik Wan Sulaiman dan sekalian yang tersebut nama dan bertandatangan di bawah ini ialah ahli-ahli Kampung Langgar Raja memaklumkan adalah seorang perempuan nama Hitam yang dia itu majlis telah halau tidak benar duduk di dalam bandar Kota Bharu kerana dia menjadi barua orang jahat dan sekarang dia ada tinggal di kampung Langgar Raja dan tabiatnya tidak juga diubahnya dan di dalam rumah dia itu disediakan tempat tidur yang cukup molek dan selalu ada perempuan jahat tidur dengan laki-laki di dalam rumahnya pada siang hari dan apakah lagi pada malam hari...⁴⁵

Menurut Nik Mat lagi,

...berharaplah saya sekalian ialah dengan harapan yang sehabis-habis besar dan tinggi supaya majlis halaukan Hitam itu daripada situ (keluarkan dari lingkungan Kampung Langgar Raja) supaya terpeliharalah Kampung Langgar itu daripada kejahatan itu. Sungguh pun Kampung Langgar itu luar daripada bandar tetapi kuasa majlis meliputi sekalian jajahan Kelantan...⁴⁶

⁴⁵ MAIK, 135/16, op.cit., hlm.11.

⁴⁶ Ibid.

Gesaan tersebut dibuat supaya Kampung Langgar Raja terpelihara daripada kegiatan maksiat dan setelah menyedari kuasa MAIK adalah meliputi sekalian jajahan Kelantan. Kes ini menunjukkan bahawa walaupun barua tersebut telah dihalau ke tempat lain namun mereka akan meneruskan pula kegiatan mereka di tempat yang baru. Kalau tiada inisiatif atau tindakan yang diambil oleh masyarakat setempat nescaya aktiviti tidak sihat tersebut akan berkembang pula di tempat baru.

Di dalam kes yang lain seorang perempuan bernama Membunga binti Samad dari Kampung Belachan,⁴⁷ dengan terang-terangan melakukan kejahanan. Berganti-ganti beberapa lelaki datang melawatinya tidak kira siang atau malam. Perbuatannya telah beberapa kali ditegah oleh Imam Tua Surau Panchor Kemumin, Syed Akil. Namun begitu segala nasihat tersebut tidak diendahkannya. Syed Akil, walaupun memegang jawatan sebagai Imam Tua namun beliau tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menangkap.

Seseorang itu dikatakan berkuasa menangkap perempuan jahat yang berkhawat jika mempunyai beberapa syarat. Selain mempunyai surat kuasa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam, mereka juga perlu memenuhi beberapa syarat yang tertentu. Antara syarat-syarat tersebut ialah⁴⁸ hendaklah ditangkap perempuan dan lelaki yang berkhawat itu pada suatu tempat yang sunyi atau pada satu bilik serta dengan dua saksi. Apakala dapat ditangkap perempuan dan lelaki yang berkhawat itu, maka Tok

⁴⁷ MAIK, 118/24, “Minta kuasa hendak menangkap perempuan jahat yang berkhawat di dalam mukim Panchor,” hlm. 1.

⁴⁸ MAIK, 9/21, “Report dari hal perempuan sundal pada masa ini terlalu banyak di bandar Pasir Mas,” hlm. 2.

Imam hendaklah menyerahkannya kepada balai polis di Pasir Mas (sekiranya berlaku di dalam mukim Pasir Mas) supaya dihantar ke Kota Bharu serta Tok Imam hendaklah segera memberitahu atau menerangkan kepada MAIK. Surat kuasa boleh dipakai di dalam tempoh tiga bulan setelah dikeluarkan, dan apabila lepas daripada tempoh tersebut maka Tok Imam hendaklah menyerahkan balik surat kuasa tersebut kepada pihak MAIK.

Ketiadaan kuasa menangkap menyebabkan banyak kes-kes keruntuhan moral tidak dapat diambil tindakan dan masyarakat setempat terpaksa membiarkan sahaja, walaupun mengetahui terdapat kegiatan maksiat atau perbuatan yang bertentangan dengan syara'.

Penangkapan juga sukar dilakukan kerana perempuan jahat dan barua sentiasa mengubah taktik kegiatan mereka. Mereka akan berhimpun (berkumpul) secara beramai-ramai pada waktu malam atau siang hari. Mereka biasanya melindungi kegiatan dengan "bermain terup", di samping menjalankan pekerjaan melacur. Kegiatan mereka sukar untuk dibuktikan kerana terlalu ramai yang terlibat. Hal ini dimaklumkan oleh Setiausaha MAIK kepada Dato' Setiausaha Kerajaan,

...Perempuan-perempuan jahat dan barua-barua, sekarang mereka itu telah cerdik yang boleh ianya melakukan kejahanan dengan bebasnya, iaitu selalu didapati mereka itu berhimpun ramai pada malam hari atau siang ialah dizahirkan keadaan bermain "terup" atau sebagainya tetapi di dalam main itu ada yang menjalankan pekerjaan berkhalwat maka perhalwatan itu tentulah tak dapat ditangkap kerana mereka itu ramai...⁴⁹

⁴⁹ MAIK, 205/23, "Minta majlis mengadakan jamin ke atas perempuan-perempuan jahat bagaimana senarai nama mereka yang dikehendaki oleh mahkamah syariah," hlm. 1.

Di hotel tepi sungai, Kota Bharu umpamanya terdapat ramai perempuan jahat berhimpun di sana, namun begitu setelah diserbu atau penyiasatan dilakukan maka perempuan-perempuan tersebut akan melarikan diri dan kalau dapat ditangkap sekali pun jumlahnya boleh dibilang. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Setiausaha MAIK seperti berikut,

Baharu ini Peguam Majlis ada berjalan di hotel tepi sungai Kota Bharu ialah kerana dapat khabar perempuan-perempuan selalu pergi berhimpun di sana, maka bila sahaja Peguam Majlis pergi mereka itu telah lari melainkan tinggal seorang sahaja nama Che Som...⁵⁰

Kegagalan dari segi perlaksanaan undang-undang juga sering dikaitkan dengan polis. Pihak polis tidak memberi kerjasama apabila penangkapan hendak dilakukan. Mengikut notis-notis dan undang-undang kerajaan sebarang penangkapan yang hendak dilakukan perlulah mendapat bantuan polis. Dalam hal ini pihak MAIK tidak mendapat kerjasama polis. Ini menyukarkan tangkapan kerana MAIK tidak ada polis sendiri.

Menurut Setiausaha MAIK kuasa MAIK di dalam perkara perempuan jahat dan persundulan tiada apa-apa kekurangan, namun ketidaksediaan polis memberi pertolongan tidak difahami oleh MAIK kerana notis yang mensyaratkan supaya sebarang penangkapan yang hendak dilakukan perlulah mendapat bantuan polis, belum dimansuhkan. Ketidaksediaan atau keengganan polis memberi kerjasama boleh melemahkan MAIK untuk melaksanakan undang-undang yang termaktub. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Setiausaha MAIK kepada Dato' Perdana Menteri,

⁵⁰ PMK, 449/23, hlm. 1.

...Sungguhpun kuasa-kuasa majlis di dalam perkara perempuan-perempuan jahat dan persundalan itu tidak ada apa-apa kekurangan bagaimana yang diberi oleh pengedaran dan persiaran-persiaran kerajaan itu, akan tetapi mengikut perentah Dato' di atas cadangan majlis hendak menjalankan kuasa mengikut kelulusan notis-notis dan undang-undang kerajaan itu berhajatlah kepada bantuan orang-orang polis. Oleh sebab majlis telah cuba memanggil dan meminta pertolongan polis waktu hendak menangkap perkhalwatan atau persundalan itu tidak diberi bantuan, maka sudahlah majlis menulis sepucuk surat kepada Chief Inspektor Polis minta pertolongan mata-mata pada tiap-tiap masa pihak majlis hendak menjalankan tangkapan mengikut kebenaran notis kerajaan nombor 26 tahun 1926 maka permintaan itu telah diberi jawab yang polis tidak boleh menyempurnakan kehendak majlis itu tentang polis tidak mahu beri pertolongan itu tidaklah majlis mengerti kerana notis-notis itu masih hidup lagi. Dan tiadalah upaya majlis hendak menjalankan kuasanya kerana majlis tidak ada polis sendiri bahkan keengganan polis mengikut notis-notis kerajaan itu boleh melemahkan pendirian majlis...⁵¹

Permasalahan tidak mendapat kerjasama polis berterusan. Ini jelas apabila terdapat di dalam tahun-tahun 1960an permasalahan ini dibangkitkan kembali. Menurut Rahmat Taufan,⁵² jikalau benar pihak polis enggan memberi kerjasama yang jujur kepada kerajaan Kelantan maka secara tidak langsung polis dianggap terlibat di dalam perkembangan pelacuran di negeri ini.

⁵¹ MAIK, 84/32, "Khalwat dan persundalan yang ditegah oleh syariah hendak dijalankan kuasa majlis mengikut kelulusan notis dan undang-undang," hlm. 5.

⁵² "Tulisan 104 Membuka Mata", dalam Mingguan Kota Bharu, 8/10/66, hlm. 2.

Kesimpulan

Pencegahan pelacuran di Kelantan ditangani oleh kerajaan melalui undang-undang yang diperkenalkan dalam bentuk notis, pemberitahu dan cadangan. Keseluruhan perbincangan undang-undang merangkumi aspek hukuman ke atas pelacur, ibu atau bapa ayam dan pengajur rumah pelacuran atau orang yang menyewakan rumah bagi tujuan pelacuran. Undang-undang yang diperkenalkan memberi kuasa kepada pihak MAIK untuk melaksanakannya. Namun begitu perlaksanaan undang-undang ini tidak mencapai ke sasarannya. Pelbagai faktor telah menyebabkan kegagalan tersebut. Antaranya ialah hukuman atau denda yang terlalu rendah. Keduanya ramai pelacur dan ibu atau bapa ayam yang tidak serik walaupun dihalau keluar dari bandar. Mereka tetap meneruskan kegiatan di tempat yang baru. Selain itu tidak kurang yang mengambil inisiatif menjalankan kegiatan secara terbuka dengan berkumpul beramai-ramai bermain terup di samping menjalankan kegiatan pelacuran. Ketiadaan surat kuasa disertakan dengan syarat yang ketat menyukarkan pihak individu untuk melakukan penangkapan. Keadaan menjadi lebih rumit apabila pihak yang sepatutnya memberi kerjasama seperti polis tidak bersedia untuk membantu. Perlaksanaan juga digagalkan kerana pelacuran memang menguntungkan “pengusaha” (barua) kerana memberikan pulangan yang amat lumayan dari segi ekonomi.

KESIMPULAN

Terdapat banyak bukti menunjukkan pelacuran telah wujud di Kelantan sejak Sebelum Perang Dunia Kedua. Bukti-bukti ini dapat dilihat daripada beberapa aspek. Pertamanya melalui catatan seperti yang dihasilkan oleh Abdullah Munshi dan Tok Kenali. Kedua terdapat pengesahan daripada Mufti kerajaan Kelantan. Ketiga adanya fail-fail MAIK yang merekodkan mengenai tangkapan yang dibuat. Keempat terdapatnya undang-undang mencegah kegiatan tersebut. Kelima telah wujudnya rumah-rumah pelacuran dan penyakit kelamin di beberapa jajahan di Kelantan.

Walaupun tiada definisi khusus diberikan kepada pelacuran di Kelantan, namun daripada pelbagai istilah yang digunakan nyata ianya menjurus kepada maksud yang sama dengan pelacuran. Gambaran awal mengenai kewujudan pelacuran di Kelantan diketahui melalui tulisan Abdullah Munshi ketika beliau melawat Kelantan pada tahun 1835. Di dalam tulisannya beliau menamakan pelacur sebagai “Jalang” sementara orang perantaraannya dipanggil “Pinang Muda”. Kegiatan ini dikatakan berlaku di pelabuhan di Kelantan.

Selain Abdullah Munshi, persoalan berkenaan pelacuran turut dinyatakan oleh Tok Kenali. Di dalam tulisannya beliau menggunakan istilah “Persundalan” bagi merujuk kepada pelacuran. Beliau telah mengemukakan pandangannya mengenai sebab-sebab berkembang biaknya pelacuran di Kelantan. Selain itu beliau juga telah mengemukakan saranan-saranan supaya permasalahan tersebut dapat dibendung.

Selain itu Dato’ Mufti kerajaan Kelantan iaitu Haji Ibrahim telah mengesahkan bahawa terdapat kegiatan pelacuran di jajahan Kota Bharu. Pihak kerajaan

seperti MAIK dan polis telah diarahkan supaya bekerjasama untuk membasmi kegiatan tersebut. Selain itu undang-undang mencegah pelacuran turut menjadi bukti tentang kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan. Undang-undang ini dikeluarkan sebagai satu usaha di pihak kerajaan di dalam membanteras sebarang gejala keruntuhan moral, khususnya pelacuran.

Kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan juga dapat diketahui dengan adanya fail-fail MAIK yang merekodkan mengenai tangkapan yang dibuat. Melalui rekod tersebut senarai nama, tempat kegiatan dan kenyataan pelacur, ibu atau bapa ayam serta pelanggan telah dicatatkan. Hasil maklumat tersebut menunjukkan bahawa kegiatan pelacuran terdapat hampir di keseluruhan jajahan di negeri Kelantan. Jajahan Kota Bharu umpamanya telah dikenalpasti sebagai jajahan paling banyak mencatatkan kes pelacuran. Ini berdasarkan rekod tangkapan oleh MAIK, bilangan pesakit yang mengidap V.D. dan kemunculan rumah-rumah pelacuran. Kawasan yang popular dengan kegiatan pelacuran di Kota Bharu ialah seperti Jalan Gajah Mati, Jalan Che Su, Padang Garong dan Lorong Kubur. Selain kawasan-kawasan yang telah disebutkan terdapat banyak lagi kawasan-kawasan lain yang pernah di kesan oleh pihak MAIK sebagai kawasan yang menjadi tumpuan golongan pelacur.

Kegiatan pelacuran juga terdapat di jajahan Pasir Mas dan Tumpat. Selain di ketiga-tiga jajahan tersebut tidak dinafikan wujudnya kegiatan pelacuran di jajahan Ulu Kelantan dan Pasir Putih. Kewujudan penyakit V.D. di jajahan ini dan beberapa jajahan lain yang telah disebutkan di atas tadi tambah menguatkan lagi sokongan bahawa kegiatan pelacuran telah wujud di kawasan berkenaan.

Sesuatu kegiatan pelacuran akan berlaku sekiranya terdapat beberapa komponen. Pelacur adalah komponen utama. Namun begitu jumlah sebenar pelacur tidak dapat dipastikan. Berdasarkan kes-kes dakwaan MAIK, pada tahun 1916 terdapat seramai 44 orang pelacur, pada tahun 1917 pula terdapat seramai 45 orang, pada tahun 1926 terdapat seramai 26 orang dan pada tahun 1937 pula terdapat seramai 34 orang. Kesemuanya berjumlah 149 dan tangkapan ini adalah di sekitar Kota Bharu. Selain itu terdapat juga kegiatan pelacuran di jajahan Pasir Mas dan Tumpat. Di Pasir Mas misalnya pada tahun 1917 terdapat seramai 11 orang pelacur telah ditangkap sementara di Tumpat pula pada tahun 1917 terdapat seramai 13 orang pelacur dan pada tahun 1923 juga terdapat seramai 13 orang pelacur yang ditangkap. Selain di ketiga-tiga jajahan tersebut kegiatan pelacuran juga berlaku di jajahan Pasir Putih dan Ulu Kelantan, namun begitu tiada data tangkapan diperolehi.

Kewujudan kegiatan pelacuran ada kaitannya dengan permintaan daripada pelanggan. Kegiatan pelacuran tidak akan berkembang biak sekiranya tidak ada golongan ini. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong mereka melanggani pelacur. Antara faktor-faktor tersebut ialah inginkan kelainan seks, kegagalan melawan nafsu serta ketidak tenteraman rumah tangga. Faktor yang terdapat pada pelacur seperti cantik, lemah-lembut, pandai bermanja serta mudah berkira adalah sebagai daya penarik kepada pelanggan ini untuk terus melanggani pelacur. Selain itu adanya batas-batas atau peraturan tertentu dalam perhubungan suami-isteri telah juga menjadi satu penyebab yang mendorong mereka melanggani pelacur.

Hasil tangkapan MAIK, menunjukkan bahawa pelacur-pelacur ini bukan sahaja melayani pelanggan berbangsa Melayu, bahkan ramai di kalangan pelanggannya yang berbangsa Cina dan India. Di kawasan Ulu Kelantan umpamanya ramai pelacur terdapat di estet-estet dan kebanyakannya dilanggani oleh pelanggan berbangsa Cina dan India. Keadaan ini berlaku kerana adanya galakan daripada pengurus-pengurus ladang untuk meramaikan pekerjaanya. Ini menunjukkan bahawa pekerjaan pelanggan ialah sebagai buruh di ladang-ladang getah. Selain itu juga terdapat ramai pelacur di kawasan berhampiran stesyen keretapi. Pembinaan jalan keretapi di Temangan misalnya telah mendorong ramai pelacur tertumpu di kawasan ini. Di kawasan ini kedapatan ramai buruh yang berbangsa India yang bekerja dalam perkhidmatan keretapi. Kedapatan juga yang bekerja sebagai tukang emas dan kerani besar. Di kalangan lelaki Melayu pula golongan mata-mata polis dikenal pasti menjadi pelanggan. Tempat yang popular untuk perhubungan pelacur-pelanggan ialah seperti di hotel dan rumah tumpangan, rumah gudang, rumah loteng, serta rumah berhampiran stesyen keretapi. Selain itu berek, bangsal kecil, rumah rakit dan atas kapal turut menjadi pilihan.

Dalam melihat hubungan pelacur-pelanggan tidak dinafikan wujudnya orang perantaraan. Mereka ini dikenali dengan pelbagai istilah antaranya Pinang Muda, barua, pak na atau pak ndor dan ibu atau bapa ayam. Namun semuanya mempunyai fungsi yang sama iaitu memelihara, mencari pelanggan dan menyediakan tempat serta menjaga kebijakan pelacur. Tangkapan MAIK, menunjukkan bahawa pada tahun 1916 terdapat seramai 8 orang ibu dan bapa ayam di sekitar bandar Kota Bharu. Di jajahan Tumpat dan Pasir Mas juga terdapat kegiatan ibu dan bapa ayam.

Selain ibu dan bapa ayam terdapat juga segolongan lain yang menyediakan tempat untuk kemudahan aktiviti pelacuran dijalankan. Golongan ini akan menyewa gudang dari orang-orang tertentu, kemudian mereka menyewakan pula bilik-bilik untuk kegunaan pelacur-pelanggan. Sedikit bayaran akan dikenakan. Ini terbukti dengan wujudnya rumah-rumah pelacuran. Dengan adanya tempat seperti ini tambah merancakkan lagi aktiviti pelacuran kerana telah memudahkan aktiviti perhubungan pelacur-pelanggan dilakukan. Sekiranya tergugat di tempat lama, pelacur akan mencari tempat baru. Dalam hubungan ini mereka menuju ke tempat-tempat atau ke arah pedalaman supaya kegiatan sukar dikesan. Di estet-estet di Ulu Kelantan misalnya menjadi tumpuan golongan ini setelah kegiatan mereka di Kota Bharu, Pasir Mas atau Tumpat telah terancam. Mereka memasuki estet-estet atas galakan pengurus-pengurus ladang sebagai satu tarikan kepada pekerja-pekerja estet. Apa yang jelas di sini wujudnya eksplorasi atau penindasan ke atas golongan lemah seperti pelacur oleh pihak yang kuat seperti ibu ayam, penganjur rumah pelacuran dan pengurus-pengurus ladang.

Berkembang biaknya pelacuran di Kelantan pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua disebabkan oleh pelbagai faktor. Sebab perceraian menjadi punca utama seseorang itu melacur. Perceraian telah meninggalkan kesan yang besar khususnya terhadap kaum wanita. Setelah diceraikan mereka mengalami kehilangan tempat bergantung serta meninggalkan satu tekanan perasaan yang hebat. Adalah lebih malang lagi jika mempunyai anak untuk dibiayai. Ibu bapa pula tidak bersedia untuk menerima mereka dengan status janda yang diperolehi kerana kedhaifan hidup mereka sendiri. Sikap masyarakat kampung yang memandang serong terhadap janda-janda ini tambah

menekan kehidupan mereka. Mereka tidak mempunyai pilihan lain melainkan keluar dari kampung halaman. Di tempat baru segala yang tidak pernah diduga mungkin berlaku. Tujuan asal untuk mencari pekerjaan halal jarangkali kecapaian. Pekerjaan sukar diperolehi kerana tidak ada kepandaian dan kebolehan tertentu. Desakan dan tekanan persekitaran mendorong mereka untuk memilih pekerjaan melacur. Di sudut hati mereka tidak merelakan melakukan pekerjaan ini namun demi untuk mengisi perut mereka terpaksa melakukan. Dalam hal yang sama mereka menyimpan keinginan untuk berkahwin. Namun begitu jarang sekali yang berpeluang untuk berkahwin buat kali kedua. Mereka terpaksa meneruskan kehidupan mereka sebagai pelacur.

Selain itu kecetekan pengetahuan agama dan ketiadaan moral turut menjadi penyebab yang mendorong perempuan untuk melacur. Mereka melacur disebabkan oleh alasan yang remeh-temeh serta kegagalan untuk melawan tuntutan hawa nafsu. Ketiadaan suami, dijadikan sebab atau punca kepada terceburnya mereka ke jurang pelacuran. Lantaran diceraikan mereka merasa bosan, kesunyian dan kesepian serta perlukan lelaki sebagai tempat pelepas nafsu serta dengan jalan melacur mereka mengharapkan akan ketemu jodoh.

Kedapatan juga yang melacur kerana ingin menikmati kehidupan senang dengan jalan yang mudah. Kesediaan mereka menjadi perempuan simpanan membuktikan akan hal ini. Mereka tidak perlu bekerja untuk menyara kehidupan kerana sebagai perempuan simpanan mereka memperolehi pendapatan tetap setiap bulan. Mereka juga ditanggung makan minum dan disediakan tempat tinggal.

Tidak dinafikan, terdapat yang memilih bidang pelacuran kerana desakan kehidupan. Kemiskinan memaksa mereka untuk mengorbankan kepentingan dan maruah diri. Mereka memerlukan keperluan asas seperti tempat tinggal dan makanan, namun dengan kemiskinan yang dialami mereka gagal untuk mendapatkan keperluan tersebut. Keadaan di atas dirumitkan lagi oleh keadaan ekonomi yang tidak stabil. Keadaan ini telah menjelaskan peluang pekerjaan. Pekerjaan dalam sektor ekonomi saradiri penatnya tidak setimpal dengan hasil yang diperolehi. Ini tidak menggalakkan kaum wanita atau lelaki mencebur i bida n ini. Segelintir kaum wanita akan berhijrah keluar dari kampung halaman untuk mencari pekerjaan. Di tempat baru tiada pekerjaan yang boleh dilakukan dan disebabkan pengaruh persekitaran maka satu-satunya pekerjaan yang boleh dilakukan ialah dengan melacurkan diri kerana hanya inilah satu-satunya pekerjaan yang tidak memerlukan modal. Selain faktor-faktor di atas terdapat segelintir yang melacur kerana terpedaya dengan pujuk rayu kenalan. Jelaslah bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang itu melacur, namun yang pastinya faktor-faktor tersebut saling berkaitan di antara satu sama lain.

Sikap dan reaksi terhadap pelacur dan pelacuran adalah berbeza di kalangan masyarakat Kelantan. Walau bagaimanapun secara umumnya rata-rata masyarakat menganggap perbuatan melacur sebagai menyalahi hukum syara' dan undang-undang negari kerana kesan buruk yang ditimbulkan oleh kegiatan tersebut. Menyedari hal tersebut maka anggota masyarakat telah mengambil beberapa langkah untuk membanterasnya. Orang awam misalnya telah melaporkan kepada pihak berkuasa

supaya mengambil tindakan ke atas kegiatan pelacuran. Selain itu pihak kerajaan telah membuat undang-undang untuk membentera gejala ini. Kuasa melaksanakannya telah diberikan kepada anggota MAIK seperti mufti, kadi besar, kadi jajahan, peguam MAIK, kerani MAIK, setiausaha MAIK dan petugas-petugas MAIK yang lain. Dalam melaksanakan tugasnya MAIK turut dibantu oleh pihak Polis. Selain itu peranan institusi kerajaan yang lain seperti penggawa dan imam juga penting kerana kedua-duanya berperanan melaporkan kegiatan tidak bermoral seperti pelacuran kepada pihak MAIK. Apa yang jelas wujudnya hubungan dua hala antara orang awam dan institusi kerajaan dalam usaha membanteras kegiatan pelacuran.

Usaha membasmi kegiatan pelacuran turut didalangi oleh pihak kerajaan. Memperkenalkan undang-undang dan melaksanakannya merupakan salah satu daripada usaha yang telah dilakukan. Sepanjang tempoh 1900-1941 undang-undang mencegah pelacuran terdiri daripada notis, pemberitahu dan cadangan. Keseluruhan perbincangan undang-undang merangkumi aspek hukuman ke atas pelacur, ibu atau bapa ayam dan penganjur rumah pelacuran.

Usaha membasmi walaupun sering dilakukan namun kegiatan ini kian bertambah. Menurut Setiausaha MAIK perlaksanaan undang-undang dikatakan sebagai gagal membasmi atau mengurangkan gejala ini kerana beberapa kelemahan yang terdapat di dalam undang-undang. Denda yang dikenakan adalah terlalu rendah sehingga tidak mendatangkan ketakutan kepada pelacur. Hukuman pula hanya dikenakan ke atas satu pihak sahaja iaitu pelacur sedangkan pelanggan adalah bebas. Penangkapan juga

seringkali terbengkalai kerana ketidak sediaan polis memberi kerjasama, sedangkan penglibatan polis diperlukan semasa melakukan tangkapan.

Pihak yang diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang berkaitan pelacuran iaitu MAIK juga gagal berperanan sepenuhnya kerana beberapa masalah dalaman yang dihadapi. Kekurangan kakitangan umpamanya telah menghalang kerja-kerja rondaan. Hanya orang yang sama sahaja yang menjalankan tugas-tugas tersebut. Dalam masa yang sama permasalahan kewangan juga timbul. Tiada elauan diperuntukkan untuk kerja-kerja yang dilakukan oleh kakitangan MAIK walaupun mereka terpaksa berjaga sehingga larut malam. Keadaan ini tidak menarik minat kakitangan bertugas lebih masa kerana mereka perlu mengeluarkan wang sendiri untuk perbelanjaan seperti minuman atau tambang. Kalau ada pun kesediaan adalah sebagai melakukan kerja kebajikan semata-mata.

Kegagalan pelaksanaan dan kelemahan dalam MAIK telah diatasi oleh kegigihan pelacur. Mereka akan meneruskan kegiatan di tempat baru apabila dihalau keluar daerah. Selain itu mereka mengubah taktik untuk mengelakkan dikesan dan ditangkap. Mereka juga akan berpindah dari satu tempat ke satu tempat sekiranya kegiatan mereka dikacau atau digugat oleh pihak berkuasa. Selain itu juga adanya dorongan dan sokongan daripada pelanggan telah menyemarakkan kembali semangat pelacur kerana dengan adanya golongan ini, bermakna rezeki mereka tetap ada.

Kegiatan ini disuburkan lagi oleh golongan-golongan yang “menangguk di air keruh” seperti ibu dan bapa ayam, penganjur-penganjur rumah pelacuran dan orang-orang yang mempunyai wang dan kuasa. Ibu dan bapa ayam akan memberi perlindungan

dengan menyediakan tempat tinggal dan mencari pelanggan. Sementara penganjur rumah pelacuran pula menyediakan tempat perhubungan pelacur-pelanggan. Denda pula akan dilangsaikan oleh golongan-golongan “tertentu” yang merasakan perlu melindungi kegiatan ini untuk kepentingan mereka.

Apa yang jelas, di satu pihak cuba membanteras kegiatan ini namun satu pihak lagi cuba bertahan dan terus menghidupkannya. Kedua-dua pihak ini saling bersaing. Sekiranya pihak pertama kerap melakukan serbuan dan tangkapan,^{Note} kegiatan pelacuran akan lenggang seketika. Apabila dibiarkan, akan muncul kembali. Ini menyebabkan pelacuran sebagai satu masalah sosial di dalam masyarakat tidak pernah dapat dihapuskan.